

# Trend pengeluaran unit saham tidak jejas operasi ASNB

Oleh IKHWAN IDERIS

**KUALA LUMPUR** – Tiada sebarang pengeluaran unit amanah Permodalan Nasional Bhd. (PNB) secara besar-besaran tahun ini yang berisiko mengganggu operasi syarikat pengurusan dana terbesar negara itu.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz berkata, sehingga kini, tahap pengeluaran oleh pemegang unit adalah kekal stabil.

“Kami melihat tiada pengeluaran bersifat ‘mengganggu.’

“Ya, dari semasa ke semasa kami melihat pengeluaran, namun ia kekal stabil,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar yang diadakan secara maya bersempena pelancaran Minggu Saham Digital di sini semalam.

Turut hadir Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn.

Selain itu, menurut Ahmad Zulqarnain, pihaknya berbesar hati melihat tiada perbezaan ketara pada trend pelaburan dalam suasana ekonomi yang sukar ketika ini.

“Saya kira ia membuktikan bagaimana pelabur melihat



**ZETI (kiri) pada majlis pelancaran Minggu Saham Digital secara maya di Kuala Lumpur semalam.**

kami sebagai dana PNB untuk simpanan dan pelaburan jangka panjang.

Selain itu, Zeti menjelaskan PNB akan terus mempelbagai pelaburannya bukan hanya di pasaran luar negara, tetapi ke dalam pelbagai kelas aset lain di pasaran domestik.

“Langkah ini telah membuahkan hasil kepada kami.

“Kami melaksanakannya se-

cara bertanggung jawab dan beransur-ansur. PNB akan terus meningkatkan portfolio pelaburan luar negara secara berhati-hati kerana keadaan pasaran kini sukar diduga,” katanya.

Mengulas mengenai kadar dividen Amanah Saham Bumiputera tahun ini, Zeti menjelaskan ia bakal diumumkan bulan hadapan dan akan mencerminkan prestasi dana berkenaan.